



No. Sebut Harga: **Sh(P)/UniMAP/PBGN/26/27**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

PELUPUSAN ASET ALIH

PELUPUSAN KENDERAAN SECARA JUALAN SEBUT HARGA BAGI MOTOSIKAL (MODEL:MODENAS KRISS 100CC) - RG 8616

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

BIL	KETERANGAN ASET	KUANTITI	HARGA DOKUMEN (RM)	HARGA SIMPANAN (RM)
1.	MODENAS KRISS 100CC - RG8616	1	50.00	100.00

2. Lawatan tapak hanya dibuat melalui janji temu. Individu / syarikat yang berminat untuk melihat kenderaan boleh menghubungi staf Jabatan Pembangunan seperti di bawah:

Encik Mohamad Farizal Zainuddin: 013 - 5130713

Encik Hasrizal: 012 - 5915807

3. Sebut harga akan mula dijual pada **16 Januari 2026** dan akan ditutup pada **04 Februari 2026 jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang lewat diterima **tidak akan** dipertimbangkan.
4. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan **Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih (KEW.PA 25)** yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 5. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
5. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebut harga **Sh(P)/UniMAP/PBGN/26/27** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

Jabatan Bendahari, Universiti Malaysia Perlis,
Aras Bawah, Canselor Tuanku Syed Sirajuddin,
Kampus Alam UniMAP, Pauh Putra,
02600 Arau, Perlis.

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan **deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran** bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. **Pembayaran deposit sebut harga hendaklah dibuat melalui perbankan internet (*online banking*) 'JomPay'** daripada mana-mana bank. Sila pastikan maklumat pembayaran dimasukkan adalah tepat. Maklumat yang perlu dimasukkan bagi pembayaran secara JomPAY adalah seperti berikut:

Biller Code	: 99994
Biller Code Name	: UNIMAP-TERIMAAN
Reference 1	: Nama Syarikat
Reference 2	: Deposit Sebut Harga Pelupusan (RG8616)

3. Tawaran tanpa/kurang deposit tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Universiti Malaysia Perlis tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang ingin menyertai sebut harga ini perlu menawarkan untuk membeli aset seperti dalam Kenyataan Tawaran Sebut Harga.
8. Pemilihan penyebut harga yang berjaya adalah tertakluk kepada kelulusan **Jawatankuasa Sebut Harga**.
9. Sekiranya penyebut harga yang berjaya menolak tawaran, deposit sebut harga **tidak akan** dikembalikan.
10. **Pembeli yang berjaya** hendaklah membuat **pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahuan keputusan**. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
11. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh **7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan**. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Universiti berhak untuk melupuskan aset tersebut.
12. **Bagi penyebut harga yang tidak berjaya**, pemulangan deposit akan dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tutup sebut harga ini. Penyebut harga dianggap tidak berjaya jika tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup sebut harga.
13. Sila lengkapkan **Borang Pendaftaran Pembekal atau Borang Pendaftaran Profil Penerima Bayaran (Individu)** dan kepilkan bersama-sama dokumen yang diminta. **Kegagalan mengisi dan melampirkan dokumen wajib yang diperlukan akan mengakibatkan deposit bagi penyebut harga yang tidak berjaya tidak dapat dipulangkan**.
14. **Sila isi KEW.PA-25 dengan lengkap untuk tujuan penilaian**. Kegagalan mengisi dengan lengkap akan menyebabkan tawaran tuan/puan tidak dipertimbangkan.